

# Syarahan Akademik Antarabangsa:

## Profesor Dr. Bibi Ameenah Gurib Fakim

Universiti Malaysia Perlis telah menganjurkan Syarahan Akademik Antarabangsa kali ke- 2 pada tahun ini yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Lestari, Jabatan Canselor dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Akademik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses. Syarahan ini telah diadakan pada 1 November 2010, bertempat di Dewan Keikhlasan, Kangar, Perlis.

Syarahan yang bertajuk 'Zero Waste Sugar Refinery Process : Mauritius Experience' disampaikan oleh Profesor Dr. Bibi Ameenah Gurib Fakim, Pro Naib Canselor, Pengajaran dan Pembelajaran, University of Mauritius, yang juga Penasihat Akademik UniMAP. Syarahan ini telah berjaya menarik hampir 100 penyertaan yang terdiri daripada staf akademik, penyelidik dan pelajar-pelajar ijazah pertama dan pascaijazah UniMAP. Selain itu, syarahan ini turut disertai oleh kakitangan daripada Kilang Gula Felda Perlis Berhad dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis.

Profesor Dr. Ameenah dalam syarahannya juga telah berkongsi idea tentang proses penapisan gula di negara Mauritius yang dikira antara yang terbaik di Benua Afrika ketika ini. Beliau turut memberi galakan agar Malaysia dan UniMAP khususnya untuk memajukan industri alternatif gula berasaskan tumbuh-tumbuhan semulajadi yang banyak terdapat di negara ini.

